



**TALKING POINTS UCAPAN YAB MENTERI BESAR
PROGRAM BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI
ISNIN, 7 OGOS 2022**

- Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh pemimpin tempatan dan masyarakat orang asli yang sudi meluangkan masa hadir untuk menjayakan pertemuan kita pada hari ini.
- Terima kasih dan penghargaan juga kepada semua pihak yang sama-sama bertungkus-lumus mengatur, menyusun dan memastikan perjalanan program pada pagi ini berjalan lancar seperti yang dirancang.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

CABARAN PASCA COVID-19

- Hari ini genap tiga bulan kita memasuki fasa endemik selepas lebih dua tahun hidup dalam suasana sukar pandemik COVID-19.
- Namun, saya nasihatkan diri dan kita semua untuk terus berjaga-jaga dengan menjaga SOP, lebih-lebih lagi dalam keadaan masih ada kes-kes jangkitan baru dilaporkan.



- Walaupun masih terdapat kes-kes jangkitan, namun secara keseluruhannya, rakyat sudah kembali kepada kehidupan biasa.
- Fasa pemulihan atau *recovery* yang dilaksanakan kerajaan membolehkan lebih banyak kegiatan ekonomi dapat dilaksanakan semula.
- Namun begitu, negeri Perak mencatat prestasi KDNK lebih baik berbanding pencapaian peringkat nasional iaitu pada kadar 3.5 peratus pada tahun 2021. Ini menunjukkan bahawa negeri Perak on track dalam aspek pertumbuhan ekonomi.
- Pandemik COVID19 memberi sebuah pengajaran berharga iaitu **kita tidak boleh leka atau business as usual, kita perlu dalam sentiasa mode bersedia dan berfikiran selangkah ke hadapan.** Kalau kita gagal untuk merancang, kita merancang untuk gagal.
- Kesiapsiagaan saya dan barisan pentadbiran ini untuk bangkit bersama-sama rakyat mendepani cabaran yang pelbagai. Antaranya:
 - I. Isu keselamatan makanan yang kian semakin mencengkam kita semua. Permintaan makanan asas terus meningkat, namun pengeluaran hasil makanan masih di peringkat yang



sama.

- II. Pendidikan yang berkualiti. Rentetan pandemik COVID19 mengakibatkan murid-murid tidak dapat ke sekolah, terpaksa belajar online. Menyebabkan sedikit sebanyak merencatkan pembelajaran dan pembelajaran yang berkualiti.
 - III. Ekonomi digital, kita harus pantas beradaptasi dengan perubahan pantas ini tidak kira di mana kita berada. Ekonomi digital menjanjikan peluang besar kepada sesiapa yang berani merebutnya.
- Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, saya dan barisan pentadbiran telah menggarap kaedah terbaik. Antaranya:
 - I. Kepentingan pembangunan pendidikan berteraskan kemahiran
 - II. Meneroka sumber-sumber baharu kepada negeri
 - III. Pembangunan ekonomi secara mapan
 - IV. Digitalisasi di semua peringkat
 - V. Kestabilan dalam kerajaan

MERANGKA PELAN PEMBANGUNAN



- Atas kesedaran itu, antara perkara pertama yang saya lakukan sebaik menjadi Menteri Besar ialah menggerakkan usaha kerajaan untuk mewujudkan sebuah pelan pembangunan strategik yang dipanggil Perak Sejahtera 2030.
- Ia penting bukan sahaja untuk menghadapi impak COVID-19, tetapi juga untuk kita mendepani pelbagai cabaran-cabaran baru dalam jangka masa pendek, sederhana dan jangka panjang.
- Saya dan rakan-rakan turun padang ke setiap mukim dan daerah dan bertemu dengan pelbagai lapisan rakyat untuk mendapatkan input bagi merangka pelan ini.
- Kita mengambil masa lebih setahun mengumpul input-input daripada pelbagai golongan - orang muda, pesara kerajaan, kakitangan awam dan swasta, para guru, petani, penternak dan nelayan, peniaga dan usahawan kecil sehinggalah pemimpin setempat, sama ada di kota atau pun desa.
- Setakat ini, sebanyak 130 sesi libat urus telah dilaksanakan oleh IDR dengan pelbagai pihak untuk mengumpul pandangan rakyat untuk memeta Perak Sejahtera 2030.
- Kerana saya tidak mahu pelan ini hanya sempurna di atas kertas sahaja. Bahkan saya ingin pastikan ia memanfaatkan seluruh warga negeri Perak, tanpa mengira garisan kaum dan agama.



PERAK SEJAHTERA 2030

- Justeru, pada 15 Jun lalu, saya telah melancarkan pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 yang akan memandu arah jentera pentadbiran Kerajaan Negeri dalam tempoh lapan tahun akan datang dengan **matlamat “Perak Makmur, Rakyat Sejahtera”**,

- Dengan tujuan “Memacu Pembangunan Sosioekonomi yang Mapan, Inklusif dan Dinamik”, pelan ini menggariskan **ENAM (6) agenda**:

I. Sekuriti Makanan

II. Memacu Ekonomi Digital

III. Pembuatan Keputusan Berpacukan Data

IV. Perak Koridor TVET Malaysia

V. Perlombongan Lestari dan

VI. Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri.

- Dengan menetapkan **TIGA (3) sasaran iaitu Sejahtera Sosial, Sejahtera Ekonomi dan Sejahtera Politik**, Perak Sejahtera 2030 menggariskan **5 prinsip** yang memandu arah jentera kerajaan dalam pembangunan negeri sepanjang tempoh lapan tahun akan datang. Lima prinsip itu ialah:

I. Keseimbangan Pembangunan Fizikal Dan Sosioekonomi

II. Kerjasama Pintar



III. Kelestarian Penggunaan Sumber Dan Alam Semula Jadi

IV. Sistem Penyampaian Perkhidmatan Yang Cepak Dan Ambil Peduli

V. Kepakaran Berkualiti Dan Bernilai Tinggi

18 PROGRAM FLAGSHIP PERAK SEJAHTERA

- Bagi mencapai agenda dan sasaran yang ditetapkan dalam Perak Sejahtera 2030, 18 program Flagship dilaksanakan yang merupakan sinergi antara kerajaan, GLC dan agensi-agensi negeri.
- Kesemua 18 program ini bukan sahaja menjadi pemangkin kepada misi mensejahterakan rakyat, tetapi turut memberi nilai tambah kepada projek keutamaan yang akan diterajui agensi negeri dan persekutuan.

Flagship 1 - Lembah Bakul Makanan (Sekuriti Makanan)

Flagship 2 - Perumahan Sejahtera

Flagship 3 - Perlombongan Mampan

Flagship 4 - Koridor TVET Malaysia

Flagship 5 - Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Flagship 6 - Membasmi Miskin Tegar 2025

Flagship 7 - Program Menyantuni Golongan Rentan

Flagship 8 - Agenda Perak Sihat Sejahtera

Flagship 9 - Program Mesra Pelabur

Flagship 10 - Ekonomi Pengalaman



Flagship 11 - Ekonomi Digital Negeri Perak

Flagship 12 - Sumber Air dan Sumber Tenaga Boleh Baharu

Flagship 13 - Hab Maritim & Pelabuhan Nusantara

Flagship 14 - Pusat Kecemerlangan Balai Cerap Negara

Flagship 15 - Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027

Flagship 16 - SMART Perak

Flagship 17 - Komuniti Perak Sejahtera

Flagship 18 - Santuni Orang Asli

PERANAN MASYARAKAT ORANG ASLI MENJAYAKAN PERAK SEJAHTERA 2030

- Secara umum, setiap lapisan rakyat mempunyai peranan penting dalam menjayakan setiap agenda dalam Perak Sejahtera.
- Namun untuk hari ini, saya hendak menyentuh mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh pemimpin tempatan dan masyarakat orang asli untuk menjayakan agenda membina komuniti sejahtera khususnya melalui beberapa program flagship yang sedang dan akan dilaksanakan.

Program Flagship Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat;



- Program ini diadakan bagi menaik taraf kehidupan masyarakat daripada segi ekonomi dan sosial sekali gus mewujudkan peluang yang adil dan saksama kepada semua lapisan masyarakat.

- Program flagship ini menawarkan program berikut:

- I. 1 Warga, 1 Skill;

Projek ini beriltizam untuk memperkasa latihan dalam bidang teknikal dan profesional supaya lebih ramai masyarakat menjadi pakar dalam pelbagai bidang dan menguasai kemahiran kerjaya masa hadapan.

- II. 1 Keluarga, 1 Ijazah;

Projek ini bertujuan menggerakkan inisiatif menjadikan pendidikan sebagai kunci keluar daripada cengkaman kemiskinan. Pelbagai pendekatan akan dilaksanakan termasuk memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan kepada anak-anak dan memberi pendedahan bersasar kepada belia B40 mengikut kecenderungan dan minat.

- III. 1 Keluarga, 1 Usahawan;

Projek ini menggalakkan belia untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, khususnya belia yang mempunyai sijil kemahiran asas daripada institusi latihan atau pusat kemahiran tempatan bagi menaik taraf hidup dan ekonomi setempat.



IV. 1 Daerah, 1 Aktiviti Ekonomi;

Projek ini dilaksanakan untuk pembangunan ekonomi yang dijalankan berdasarkan komuniti setempat. Ia boleh memberi manfaat langsung berasaskan produk unik yang beridentiti sesebuah daerah di samping melonjakkan produk setempat sebagai industri yang berdaya maju seiring dengan pembangunan usahawan yang berdaya saing.

V. 1 DUN, 1 Pusat Digital Ekonomi (PEDi).

Projek ini akan membuka peluang kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam sektor ekonomi digital.

Program Flagship Santuni Orang Asli

- Projek ini akan dijadikan platform bagi mendekati, menyantuni dan membimbing masyarakat orang asli agar tidak terpinggir dari arus perkembangan negeri. Generasi muda orang asli akan diberikan pendedahan awal dan menormakan generasi ini dengan arus dunia kini. Dalam menyantuni masyarakat orang asli, pemahaman adat dan budaya orang asli juga akan diberikan keutamaan.

Kampung Angkat

Projek ini dirangka bagi memupuk kepekaan rakyat terhadap kehidupan orang asli di samping meraikan setiap perbezaan serta mendidik rakyat Perak mengenai cabaran yang dihadapi oleh Orang



Asli. Program ini diterajui oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Unit Perancang Ekonomi Perak (UPEN).

NICHE DAN PROJEK BERIMPAK TINGGI DAERAH

- **Isu ketidakseimbangan pembangunan** di setiap daerah, kawasan bandar dan luar bandar, antara perkara utama yang diberi perhatian oleh kerajaan negeri untuk ditangani bagi mewujudkan kesejahteraan bersama dalam kalangan rakyat.
- Menjelang tahun 2030, kerajaan negeri bercita-cita untuk melihat sebuah **pembangunan yang saksama** di antara daerah. Pembangunan tidak hanya tertumpu di kawasan bandar seperti Ipoh atau Taiping, tetapi **pembangunan juga harus sampai di Kampung Sungai Haji Mohamed di Bagan Datuk dan Kampung Parit Haji Kerani di Tanjong Piandang sebagai contoh.**
- Menyedari perkara ini, untuk menangani permasalahan dalam tempoh jangka masa panjang, melalui Perak Sejahtera 2030 telah **menjenamakan semula potensi daerah menggunakan konsep niche:**



1. Daerah Hulu Perak - Mengarusperdanakan Ekonomi Berteraskan Biodiversiti
2. Daerah Kerian - Transformasi Jelapang Padi
3. Daerah Larut Matang & Selama - Hab IKS Pintar
4. Daerah Kinta - Pelancongan Peradaban dan Kesejahteraan Nusantara
5. Daerah Perak Tengah - Koridor TVET Malaysia
6. Daerah Kuala Kangsar - Pelancongan DiRaja Global
7. Daerah Kampar - Ekopelancongan
8. Daerah Manjung - Hab Maritim & Pelabuhan Nusantara
9. Daerah Bagan Datuk - Persada Kelapa Dunia
10. Daerah Hilir Perak - Lembah AgroMakanan
11. Daerah Batang Padang - ASEAN Agrotech Distribution Centre
12. Daerah Mualim - Hab Inovasi Teknologi Automotif

KESTABILAN DAN PERPADUAN KUNCI KEJAYAAN

- Seperti yang sering saya sebutkan, kejayaan pelan Perak Sejahtera bergantung kepada komitmen kita semua sebagai rakyat Perak.

- Pelan ini tidak bersifat statik, tetapi dinamik dengan mengambil kira perkembangan dan situasi semasa. Ia memerlukan komitmen berterusan kerajaan.



- Sehingga kini, proses libat urus masih dijalankan. Kolaborasi antara Negeri dan Persekutuan terus dilakukan untuk pastikan setiap perancangan dalam pelan ini dapat sama-sama dijayakan.
- Saya harap tuan-tuan dan puan-puan terus memberi sokongan dan dokongan kepada kerajaan negeri yang ada pada hari ini untuk meneruskan dan menjayakan apa yang telah sama-sama kita mulakan.

PENUTUP

- Perak Sejahtera bukan karya Saarani Mohamad. Bukan cita-cita saya sebagai Menteri Besar. Bukan juga karya barisan Exco dan jentera pentadbiran. Pelan ini adalah cita-cita kita semua sebagai rakyat Perak yang mahukan sebuah negeri yang makmur dan sejahtera.
- Ia digarap dengan begitu teliti dengan mengambil kira pandangan segenap lapisan rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Memeta pelan ini tidak mudah, dan sudah tentu melaksanakannya juga tidak akan pernah mudah.



- Saya mengajak masyarakat orang asli untuk bersama-sama dalam menjayakan setiap hasrat murni yang digarap dalam pelan ini. Untuk kita sedaya upaya membina negeri yang makmur, stabil dan berjaya untuk masa depan anak-anak kita.